

Penswastaan Insaniah pilihan terakhir

ROSLINDA HASHIM

ALORSETAR - Penswastaan akan menjadi pilihan terakhir sekiranya resolusi yang dicadangkan untuk menyelesaikan kemelut Kolej Universiti Insaniah (Insaniah) menemui jalan buntu.

Menteri Besar, Datuk Mukhriz Mahathir tidak menolak kemungkinan langkah untuk menswastakan kolej universiti milik kerajaan negeri itu sebagai satu pilihan, namun bukan menjadi keutamaan.

"Belum sampai ke tahap untuk swastakan Insaniah setakat ini, mungkin ia disebut-sebut sebagai satu pilihan tetapi tidak semestinya pilihan itu jadi keutamaan. Kita masih ada banyak alternatif lain yang boleh dipilih untuk pastikan kebajikan pelajar, staff dan pengurusan tidak terjejas," katanya kepada media, selepas pelancaran Festival Belia Kedah sempena sambutan Hari Belia Negara peringkat negeri Kedah, di perkarangan Stadium Darul Aman, semalam.

Mukhriz berkata, demikian apabila diminta mengulas mengenai desas desus Insaniah mungkin diswastakan, apabila timbul dakwaan beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) berminat meng-



Mukhriz menyampaikan Anugerah Perdana Belia Negara (Lelaki Harapan) kepada Saiful Helmy Bin Abu Razak.

ambil alih Insaniah daripada kerajaan negeri.

Tambah beliau, apa jua bentuk penstrukturan semula kelak membabitkan peringkat pengurusan dibuat setelah pihaknya mengambil kira kepentingan pelajar dan staf.

"Saya sudah arahkan Exco Pendidikan, Datuk Tajul Urus Mat Zain perincikan masalah berbangkit. Antara langkah pertama ialah mencari punca masalah, berjumpa semua pihak berkepentingan seterusnya

mengusulkan jalan penyelesaian," katanya.

Mukhriz berkata, kemelut Insaniah menjadi keutamaan kerajaan negeri untuk diselesaikan segera untuk kepentingan semua pihak.

"Kita baharu selesai peringkat berjumpa semua pihak untuk dapatkan maklumat sebenar, kini akan diteruskan ke peringkat merangka resolusi yang sesuai," katanya.

Ditanya adakah antara resolusi terbabit adalah pen-

swastaan, Mukhriz berkata, walaupun ia turut dibangkitkan namun bukan pilihan utama.

"Saya tidak mahu tekankan soal itu (penswastaan), nanti dikatakan itu pilihan kita sedangkan keputusan belum dibuat. Semua pilihan yang ada akan dipertimbangkan secara adil, kita ada banyak pilihan lain," katanya.

Mukhriz turut membangkitkan status Insaniah yang agak mengelirukan ber-

ikutan ada beberapa p dilihat terikat kepada IPT milik kerajaan negeri bahagian pula tertakluk IPT swasta.

"Status kolej universiti juga akan dikaji. Conto pengajian bawah IPT Holdings seolah ia IPT ta. Jika benar ia swasta bagi keuntungan dan jara dapatan kepada Insaniah milik kerajaan, kena iku gaji kerajaan, tidak bo dua-duanya," katanya.

Menurutnya, keke itu ditimbulkan banyak dan perkara itu akan perhatian.

"Saya percaya staf e lajar pun keliru menger tus Insaniah, pasukar ditubuhkan khusus tangani kemelut ini a liti dan kemuka cad katanya.

Kelmarin, *Sinar K* melaporkan Insaniah kin diswastakan apabila an negeri didakwa me tawaran kepada bebera untuk mengambil alih urusan kolej universi Sumber mendakwa, p an itu ada kaitan dengn ban kewangan neger hubung pinjaman I bagi membina kampu Kuala Ketil.